



"CINTAKAN NEGARA ASAS KEAMANAN DAN PERPADUAN".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۗ وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ</p> <p style="text-align: right;">1 </p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Bersyukur kita kehadiran Allah Taala kerana dengan limpah kurniannya maka kita dapat berkumpul pada hari Jumaat penghulu segala hari ini. Dengan itu, saya menyeru kepada diri saya dan para jemaah semua supaya berusaha meningkatkan ketakwaan kepada Allah Taala dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga bekalan taqwa yang kita lakukan akan menyelamatkan kita daripada seksaan api neraka.</p>	5
<p>Bersempena dengan Hari Malaysia yang kita sambut pada 16 September 2019, maka khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk "CINTAKAN NEGARA ASAS KEAMANAN DAN PERPADUAN".</p> <p>Hadirin yang dikasihi Allah SWT,</p>	6

¹ al-Taubah : 20.



<p>Islam sangat menggalakkan umatnya saling bersatu padu, bekerjasama, saling memahami dan hormat-menghormati bukan sahaja dalam kalangan saudara se-Islam sendiri, malah juga sesama masyarakat bukan Islam terutamanya untuk memajukan negara dalam semua bidang demi menjamin kestabilan dan kemakmuran negara Malaysia. Tanpa kerjasama, toleransi dan saling bersatu padu antara kaum, negara kita akan berada dalam kemunduran dan berlaku pergolakan yang berterusan sehingga boleh mengganggu gugat kesejahteraan Negara. Ini menunjukkan betapa pentingnya rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, kaum dan agama saling memahami dan hormat menghormati serta bersatu padu demi membentuk negara bangsa yang maju dan aman damai.</p>	7
<p>Ini bertepatan dengan firman Allah taala dalam surah al-Maidah ayat 2:</p> <p style="text-align: center;">وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾</p>	8
<p><i>“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. dan bertakwalah kepada Allah, kerana Sesungguhnya Allah Maha berat azab seksayNya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).</i></p>	9
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Pelbagai usaha yang telah dilaksanakan bagi mengekalkan semangat bersatu padu serta muafakat antara rakyat Malaysia yang berbilang kaum , agama dan adat resam. Selain itu, pelbagai usaha lain juga telah dilakukan bagi menyedarkan rakyat bahawa bukan mudah untuk mencapai keamanan dan perpaduan yang sedang kita kecapai sekarang ini. Perpaduan yang kita nikmati hari ini adalah hasil dari pengorbanan, kesabaran dan usaha gengerasi kita yang terdahulu.</p>	10
<p>Justeru, kita sebagai rakyat Malaysia sewajarnya menghargai dan menikmati erti perpaduan yang sebenar. Janganlah kita berpecah belah dan berselisih faham hingga membawa kepada kehancuran dan kelemahan serta hilang segala-galanya yang telah terbina</p>	11



<p>sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Anfal ayat 46:</p> <p>وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنزَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رَاحَتُكُمْ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ</p> <p style="text-align: right;">﴿٤٦﴾</p>	12
<p><i>“Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar”.</i></p>	13
<p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Selain itu, Islam juga sangat menggalakkan umatnya mencintai negara. Sabda Nabi SAW ketika pertama kali sampai di Madinah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Saidatina Aisyah R.Anha bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">حَبِّبِ إِلَيْنَا الْمَدِينَةَ كَحُبِّنَا مَكَّةَ أَوْ أَشَدَّ</p> <p><i>“Ya Allah, jadikan kami mencintai Madinah seperti cinta kami kepada Makkah atau melebihi cinta kami pada Makkah”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	14
<p>Semangat cintakan negara mesti dididik sejak di bangku sekolah lagi. Seterusnya disuburkan secara berperingkat dan berterusan dalam jiwa rakyat pada setiap lapisan masyarakat dari semasa ke semasa. Perasaan cintakan negara akan melahirkan sifat kebertanggungjawaban dalam memajukan negara dalam pelbagai bidang sama ada sosial, ekonomi, politik, agama, budaya atau pendidikan. Sekiranya wujud semangat semata-mata tanpa perasaan cintakan negara, sudah pasti akan timbul pelbagai masalah sosial yang berpunca dari hilangnya sifat kebertanggungjawaban dalam diri.</p>	15
<p>Salah satu cara untuk melahirkan rasa cinta yang tidak berbelah bagi kepada negara ini ialah dengan memahami kepelbagaian budaya dan adat resam semua kaum dalam Negara kita. Hal ini akan dapat mengukuh ikatan tali perpaduan kaum ke arah kemajuan negara pada masa depan. Seterusnya, ikatan perpaduan ini akan menjadi penggerak kepada integrasi nasional dalam membina sebuah negara yang aman makmur.</p> <p>Muslimin yang berbahagia,</p>	16



<p>Sejarah Islam di bawah pimpinan junjungan besar Nabi kita Muhammad SAW di Madinah telah membuktikan bahawa negara yang mempunyai penduduk pelbagai agama dan kaum boleh hidup aman damai di bawah satu pemerintahan. Rasulullah SAW telah berjaya menyatupadukan semua penduduk Madinah dan mereka saling bersatu padu, bertoleransi dan saling tolong-menolong dengan membentuk satu perlembagaan negara yang dikenali sebagai "Piagam Madinah". Antara isi perlembagaan tersebut ialah semua penduduk Madinah hendaklah bekerjasama dalam meningkatkan kemajuan ekonomi Madinah, bersatu padu dan patuh kepada Rasulullah SAW sehingga Madinah menjadi sebuah negara Islam terulung pada waktu itu.</p>	17
<p>Justeru, sebagai rakyat Malaysia yang hidup dalam masyarakat majmuk sepatutnya mendukung, memahami dan menghayati Perlembagaan Negara yang digubal demi menjamin keamanan negara kita.</p> <p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p>	18
<p>Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menyeru sidang Jumaat sekalian untuk bersama-sama menghayati intipati khutbah yang telah disampaikan.</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam wajib mencintai Negara dengan memelihara keamanan dan perpaduan.2. Sebagai rakyat yang cintakan Negara, wajiblah bersikap saling hormat-menghormati tanpa mengira agama dan bangsa yang merupakan asas perpaduan dan keamanan Negara.3. Umat Islam mestilah mensyukuri nikmat keamanan dan perpaduan yang dikecapi pada hari ini dan menolak sebarang bentuk pertelingkahan dan perselisihan yang membawa kepada kehancuran.	19
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p style="text-align: center;">فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَأَشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ ﴿١٥٢﴾</p> <p style="text-align: center;">"Kerana itu, ingatlah kamu kepada-Ku niscaya Aku ingat pula kepadamu dan bersyukurlah kepada-Ku, dan janganlah kamu mengingkari nikmat-Ku". (al-Baqarah : 152).</p>	20



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	28
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.	29



KHUTBAH KEDUA

<p>أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ۖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	2
<p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,</p> <p>Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan bersungguh-sungguh melakukan amal soleh serta berakhlak dengan akhlak Rasulullah SAW. Seterusnya marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:</p>	3
<p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.</p>	4
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	5
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>	6
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاطُورِ،</p>	7
<p>سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالنَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُورِ، تغكو أمير شاه ابنالسُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج</p>	8



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِمَوْظِفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرِّشَادِ.</p>	9
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	10
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.</p>	11
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	12
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ ۖ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15